

BAB VII

PENUTUP DAN CADANGAN

7.1 PENUTUP.

Institusi wakaf merupakan sebuah institusi yang bermula sejak zaman Rasulullah s.a.w yang kemudiannya berkembang pada zaman sahabat dan seterusnya menyinar sehingga hari ini. Ini menunjukkan bahawa Insitusi Wakaf merupakan satu badan penting bagi ekonomi umat Islam dan seterusnya mampu menjulang nama agama Islam itu sendiri.

Wakaf adalah satu institusi yang telah berjaya membuktikan kecemerlangan tamadun Islam dalam pelbagai segi melalui sumbangan orang awam. Dalam konteks semasa, perbadanan atau syarikat yang ditubuhkan atas dasar wakaf mungkin boleh menjadi penyelesaian kepada masalah ekonomi dan dapat mengembalikan semula kegemilangan umat Islam. Untuk mempastikan kecemerlangan Islam melalui institusi wakaf dapat dikembalikan, perubahan paradigma di kalangan pewakaf, penerima manfaat wakaf, pentadbir harta wakaf dan pihak pemerintah adalah perlu. Di samping itu juga kepatuhan kepada Syariah adalah diutamakan untuk menjanakan pembangunan masyarakat Islam melalui institusi wakaf.

Dalam perkembangan dunia hari ini, menjadi tuntutan bagi sebuah negara Islam seperti Malaysia berusaha memajukan ekonomi bukan sekadar menyelesaikan keperluan asas atau membasi kemiskinan umat Islam di dalam negara tetapi meningkatkan kedudukan ekonomi terutamanya bagi umat Islam. Justeru itu, untuk sampai kepada objektif tersebut amalan wakaf yang sememangnya memberikan implikasi yang positif kepada pembentukan kerohanian dan perkembangan ekonomi umat Islam harus diusaha dan dikembangkan dengan sebaik mungkin.

Secara tradisinya hanya orang-orang kaya dan berkemampuan sahaja berpeluang mewakafkan harta bagi tujuan kebajikan dan kepentingan umat Islam. Perkara ini dapat dibuktikan berdasarkan kajian terhadap pentadbir harta wakaf yang mana 78 peratus mereka yang melakukan amalan wakaf ialah golongan kaya, manakala 52 peratus terdiri daripada golongan sederhana dan terdapat 14 peratus daripadanya adalah golongan miskin. Kebanyakan harta yang diwakafkan adalah terhad, seperti mendirikan surau, masjid, tempat perkuburan dan lain-lain kebajikan tanpa banyak yang berorientasikan pembangunan ekonomi secara global.

Pentadbiran harta wakaf di negeri Melaka dikelolakan oleh individu atau jawatankuasa tertentu iaitu Jawatankuasa Masjid. Semenjak tahun 1959 telah berlaku pertukaran pengelolaan mencakupi semua harta wakaf am dan khas dengan berkuatkuasanya Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1959. Walaupun berkuatkuasanya enakmen ini, tetapi masih terdapat harta-harta wakaf yang belum dipindahmilik kepada Majlis Agama Islam Melaka yang merupakan pemegang amanah segala harta wakaf bagi negeri Melaka. Bagi memudahkan pentadbiran dan

pengurusan harta-harta wakaf, maka ditubuhkan Lembaga Wakaf, Zakat Dan Baitulmal (LUKMAL) yang diletakkan di bawah pentadbiran Majlis Agama Islam.

Jika dibandingkan pembangunan tanah-tanah wakaf yang telah dimaju dan dirancangkan dengan keluasan tanah-tanah wakaf yang ada potensi untuk dibangunkan adalah tidak seimbang. Kelembapan pembangunan ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor yang mana ianya menjadi masalah utama dalam pentadbiran wakaf. Kekurangan kakitangan merupakan faktor utama membataskan kelincinan perjalanan urusan harta wakaf, lebih-lebih lagi pegawai yang berkelayakan dalam menguruskan tugas memajukan tanah wakaf ini hampir tidak ada. Apa yang jelas ialah berlakunya ketidakseimbangan aktiviti dan fungsi unit wakaf dengan taraf kelayakan dan kepakaran kakitangan menyebabkan masih banyak tanah-tanah wakaf yang belum diproses dan dipindahmilik kepada Majlis Agama Islam Melaka. Kebanyakannya masih ditadbirkan oleh pewakaf sebagai pemegang amanah. Malahan sebahagiannya tidak diketahui tentang hakmilik dan kedudukan lot-lot secara jelas.

Di samping itu juga tidak adanya rekod-rekod tanah yang rasmi dalam simpanan pentadbiran pihak Majlis, menyebabkan timbul pelbagai masalah untuk menguasai atau mengambil alih kembali pentadbiran tanah wakaf tersebut. Malahan kedudukan tanah yang berselerak di seluruh daerah negeri Melaka masih belum dapat dikesan dan disatukan untuk diletakkan di bawah pentadbiran Majlis Agama Islam.

Selain daripada itu, peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Melaka juga tidak lengkap dan sempurna. Malah di negeri Melaka sendiri tidak terdapatnya satu undang-undang yang

khusus mengenai pentadbiran wakaf. Dengan tidak adanya suatu peraturan yang sempurna untuk mengatur secara khusus dan menjelaskan perjalanan wakaf, cara-cara berwakaf, jenis-jenis harta yang boleh diwakafkan, syarat-syarat berwakaf dan lain-lain peraturan yang lengkap berhubung dengan wakaf menyebabkan pengendalian urusan wakaf dan pentadbirannya tidak dapat berfungsi dengan baik dan lancar.

Dari segi penggunaan harta wakaf pula, kebanyakannya disewakan kepada orang ramai supaya harta itu dapat mendatangkan hasil yang berterusan. Cara ini adalah sesuai dari segi penerusan hasil daripada sumber harta wakaf. Harta yang digunakan ini adalah terdiri daripada tanah-tanah lot atau tanah yang sesuai untuk tapak perumahan atau bangunan, rumah kediaman, rumah-rumah kedai dan sebagainya. Sumber pendapatan ini merupakan hasil utama yang diperolehi dari harta wakaf dengan semata-mata menyewakan harta-harta yang sedia ada tanpa ada sebarang usaha untuk membangunkan harta tersebut. Hanya timbul kebelakangan ini perancangan dan usaha untuk memajukan dan membangunkan harta-harta itu.

Sumber kewangan Majlis amat terhad dan kebanyakannya hasil pendapatan dari harta wakaf digunakan untuk perbelanjaan pengurusan wakaf itu sendiri. Sumber kewangan daripada kerajaan pusat dan negeri juga tidak ada. Keadaan ini menyukarkan pihak Majlis untuk membuat sesuatu perancangan pembangunan terhadap harta wakaf. Tambahan lagi harta dan tanah wakaf tertakluk kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Kanun Tanah Negara 1965 di mana tidak ada pengecualian cukai tanah dan cukai pintu di atas semua harta wakaf. Akta ini tetap juga mengenakan cukai di atas harta wakaf untuk tujuan komersil atau untuk mendapatkan keuntungan wang (*pecuniary profit*).¹ Dengan berkuatkuasanya undang-

undang tersebut, maka pihak Majlis terpaksa membayar cukai-cukai tersebut dan ini menambahkan lagi perbelanjaan Majlis.

Malah ditinjau mengenai tanah-tanah wakaf yang ada di negeri Melaka di masa ini, ianya tidak menampakkan pertambahan yang menggalakkan kerana tanah-tanah wakaf yang ada sekarang ini adalah hasil dari wakaf puluhan tahun yang lalu. Cuma terdapat segelintir sahaja masyarakat yang melakukan wakaf di masa ini. Perkara ini amat membimbangkan kerana bilangan masyarakat makin bertambah sedangkan sumber wakaf yang ada tidak dapat memperimbangi bilangan yang ada. Oleh sebab itu perancangan yang teliti harus dirangka oleh pihak Majlis Agama Islam terutamanya dari sudut kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap intitusi wakaf itu sendiri. Di samping kesedaran adalah wajar digerakkan usaha yang lebih untuk mengukuhkan institusi wakaf dari segi kewangan dan pengurusan. Keadaan ini membolehkan kuasa ekonomi Islam diurus dengan lebih sistematik kerana hakikat ibadat wakaf itu adalah satu cara untuk mewujudkan masyarakat penyayang, merapatkan jurang antara miskin dan kaya serta menjadi lambang pengorbanan dan kerjasama umat Islam.

Kejayaan institusi wakaf di masa akan datang bergantung kepada kefahaman mengenai konsep, peranan dan matlamat wakaf itu sendiri. Kesedaran yang mendalam mengenai kepentingan menjaga dan memelihara tanah-tanah dan harta wakaf serta sikap bekerjasama dan keseragaman penyusunan bagi pelaksanaan projek, di samping penyelesaian masalah-masalah yang timbul dengan lebih berkesan akan dapat meningkatkan mutu prestasi institusi wakaf.

7.2 CADANGAN.

Pada keseluruhannya negeri-negeri di Malaysia menghadapi masalah yang hampir sama dari sudut pentadbiran harta wakaf. Tetapi kadar masalahnya berbeza bergantung kepada keluasan negeri, saiz tanah wakaf dan perkara-perkara yang berkaitan dengan harta wakaf.²

Setelah mengkaji dan meneliti setiap aspek berkaitan dengan harta wakaf di bawah pihak Majlis Agama Islam Negeri Melaka, penulis mendapati perlunya diwujudkan satu pembaharuan serta perubahan dari segi pentadbiran dan pengurusan Majlis dan beberapa aspek lain supaya Institusi Wakaf di negeri Melaka dapat berfungsi dengan sebaik mungkin.


Di sini penulis mengemukakan beberapa cadangan serta pandangan yang boleh dijadikan asas atau perhatian pihak-pihak terlibat terutamanya Majlis Agama Islam Negeri Melaka sendiri dalam menguruskan dan mentadbir harta-harta wakaf ke arah yang lebih positif. Penulis akan membahagikan cadangan itu dalam beberapa bahagian, iaitu:

- Reformasi Pentadbiran dan Pengurusan.
- Reformasi Perundangan.
- Reformasi Kewangan.
- Lain-lain cadangan.

7.2.1 REFORMASI PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN.

Dicadangkan Majlis Agama Islam Negeri Melaka membentuk unit wakaf dan dilengkapi dengan pegawai dan kakitangan yang berkebolehan. Keadaan ini dapat meningkatkan kecekapan dan segala aktiviti-aktiviti pembangunan dapat dilaksanakan dengan lebih licin. Sub-sub unit ditubuhkan bagi membantu unit wakaf seperti sub-unit pembangunan, sub-unit pentadbiran, sub-unit penyelidikan dan sub-unit penguatkuasaan. Sub-sub unit ini hendaklah diketuai oleh seorang pegawai yang berkelayakan daripada kumpulan A. Dengan adanya keadaan ini pembahagian tugas dapat dilakukan dengan lebih seimbang serta dilaksanakan oleh mereka yang berkemampuan. Rajah 7.2.1 di bawah menerangkan carta organisasi pentadbiran dan pengurusan yang dicadangkan.

Rajah 7.2.1: Carta Organisasi Pentadbiran dan Pengurusan Harta Wakaf.



Sumber: LUKMAL 2000

Berdasarkan rajah 7.2.1 di atas merupakan cadangan kepada carta organisasi yang sedia ada cuma dilakukan beberapa penambahan sub-unit bagi mengukuhkan lagi bahagian wakaf. Antara fungsi-fungsi sub-unit yang dicadangkan di atas.

i. Bahagian Pentadbiran.

- Bertanggungjawab terhadap pengurusan dan pentadbiran bahagian wakaf.
- Memberi perkhidmatan yang cekap dan berkesan kepada anggota perkhidmatan.
- Bertanggungjawab terhadap surat-surat dan fail-fail bahagian wakaf.
- Mengumpul dan mengemaskini data-data mengenai wakaf.

ii. Bahagian Kewangan.

- Memastikan segala urusan yang berkaitan dengan kewangan dan akaun bahagian wakaf dilaksanakan dengan efektif dan mematuhi sistem pengauditan.
- Menyediakan dan mengawal belanjawan tahunan.
- Menerima segala kutipan hasil wakaf dan mengeluarkan resit rasmi serta merekod transaksi yang berkaitan.
- Menyediakan laporan pendapatan dan perbelanjaan mengikut bahagian di bawah bahagian wakaf.
- Menguruskan pelaburan dan simpanan dibank.

iii. Bahagian Penyelidikan.

- Mengkaji tanah-tanah wakaf yang berpotensi untuk dimajukan.
- Menkaji keperluan pembangunan tanah wakaf terhadap masyarakat.

- Mengkaji mentaliti masyarakat terhadap harta wakaf.
- Menkaji aspek-aspek pembangunan yang menguntungkan kepada masyarakat.

iv. Bahagian Penguatkuasaan.

- Mengawal keselamatan harta wakaf.
- Mempastikan harta wakaf sentiasa berada dalam keadaan baik.
- Mengawasi serta mengambil tindakan harta wakaf daripada berlaku pencerobohan.
- Mengadakan tinjaun dari semasa ke semasa ke atas harta wakaf.

v. Jawatankuasa Pembangunan

Badan ini bertindak sebagai nasihat kepada bahagian wakaf dalam melaksanakan sebarang aktiviti-aktiviti yang berkenaan dengan harta wakaf. Jawatankuasa ini hendaklah terdiri daripada kalangan ahli-ahli agama dan ahli-ahli profesional dalam bidang ekonomi dan pembangunan. Tugas Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

- Mengenalpasti tanah-tanah wakaf yang hendak dibangunkan.
- Membuat apa-apa perundingan dengan agensi-agensi pemberi pinjaman bagi tujuan pembangunan.
- Berusaha mencari pinjaman dan punca kewangan bagi pembangunan harta wakaf.
- Lain-lain tugas yang berbentuk teknikal, khidmat nasihat yang berkaitan dengan pentadbiran dan pengurusan harta wakaf.

Berdasarkan carta organisasi di atas adalah cadangan diperingkat awal untuk Majlis Agama Islam Melaka mengambil tindakan supaya harta wakaf dapat diuruskan dengan lebih berkesan. Segala penambahan fungsi yang telah disenaraikan tersebut kepada pihak Majlis menentukan. Oleh itu satu mekanisme lain diperlukan untuk merangka carta organisasi yang lebih efisien.

- (1) Perjawatan wakaf perlu diberikan perhatian yang wajar jika wawasan dan matlamat menjadikan wakaf sebagai institusi ekonomi dan kewangan Islam tercapai. Gred Jawatan yang seimbang dengan peranan wakaf dan dengan Jabatan-Jabatan Kerajaan sejawatnya akan meringkaskan imej korporat dan kuasa rujukan wakaf. Nama jawatan yang lebih sesuai perlu digunakan dengan gred yang lebih baik dari yang sedia ada.
- (2) Pihak Majlis Agama Islam Negeri Melaka hendaklah mengadakan perhubungan yang baik dengan Pejabat Tanah dan Galian Negeri (PTG) dan juga Pejabat Tanah Daerah agar dapat mengesan dengan cepat mana-mana tanah yang telah diwakafkan oleh orang-orang Islam.
- (3) Majlis Agama Islam Negeri Melaka juga hendaklah menggunakan kepakaran pegawai-pegawai daripada Jabatan dan agensi-agensi kerajaan yang lain untuk membantu mengatasi kekurangan tenaga mahir. Oleh itu, Jabatan Kerajaan yang telah mantap dan berpergalaman dalam pengurusan pembangunan, juga orang borseorangan yang mahir dalam bidang tersebut hendaklah sama-sama membantu mempertingkatkan pengurusan hartanah wakaf.

(4) Pembentukan sistem data tanah berkomputer. Ini merupakan strategi awal yang perlu ditekankan oleh Majlis Agama Islam Negeri Melaka. Kaedah ini merupakan satu sistem pengumpulan maklumat berkomputer tentang harta wakaf di seluruh negeri Melaka. Sistem ini lebih mudah diuruskan, bersistematik serta paling cepat bagi tujuan pentadbiran dan pengurusan dan pembangunan wakaf, sekaligus dapat menyelesaikan masalah kekurangan kakitangan, masalah kecaburan wakaf, masalah pungutan sewa, masalah tunggakan bayaran sewa dan masalah mengemaskini data. Apa yang berlaku sekarang ialah Majlis Agama menggunakan kaedah secara '*manual*' iaitu menulis dan merekodkan dalam buku catatan. Keadaan ini menyukarkan sistem pengumpulan dan pengemaskinian data. Dengan menggunakan komputer membolehkan sesuatu yang berkaitan dengan wakaf dapat diproses dengan lebih cepat malah dapat menjimatkan masa, kos dan tenaga.

(5) Di dalam menangani isu pembangunan tanah wakaf pihak Majlis seharusnya sentiasa menghantar pegawai atau kakitangan untuk meninjau dalam jangka masa dua atau tiga bulan sekali bagi mengesan tanah wakaf yang dicerobohi atau penggunaan harta wakaf tanpa pengertahanan Majlis. Kebanyakan apa yang berlaku ialah pihak Majlis hanya menunggu aduan yang dibuat oleh masyarakat sahaja.

7.2.2 REFORMASI PERUNDANGAN.

Isu perundangan yang ada sekarang banyak menghalang proses pembangunan harta wakaf seluruh negeri di Malaysia. Oleh sebab itu dicadangkan beberapa perubahan perlu dilakukan dari segi perundangan agar Majlis Agama Islam dapat melaksanakan tugas sebagai pemegang amanah harta orang Islam dengan tidak terikat dengan undang-undang yang wujud.

(1) Kewujudan Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486) yang mendatangkan masalah kepada pembangunan harta wakaf perlulah diambil perhatian dan tindakan segera dengan mewujudkan satu peruntukan baru mengenai wakaf. Ini dapat dilihat dalam seksyen 19 yang berbunyi;

“jika mana-mana tanah, diperihalkan di dalam mana-mana notis dalam borang E yang dikeluarkan di bawah seksyen 10, adalah pada pendapat Pihak Berkuasa Negeri dikehendaki dengan kadar segera untuk digunakan bagi sesuatu maksud awam, maka Pesuruhjaya boleh, pada atau selepas tamat tempoh lima belas hari dari tempoh pemberian notis itu, mengeluarkan suatu perakuan kedesakan mengarahkan pemungut mengambil milik tanah itu, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan seksyen 20”

Peruntukan di atas menunjukkan bahawa Pihak Berkuasa Negeri berkuasa mengambil kembali atau dengan kata lain merampas kembali tanah termasuk juga tanah wakaf. Apabila perkara itu berlaku maka tanah itu menjadi tanah kerajaan serta dilepaskan hak milik dan kepentingan yang sedia ada. Sehubungan itu peruntukan baru harus dipinda agar mengecualikan tanah-tanah wakaf dari diserahkan kepada Pihak Berkuasa Negeri. Dalam seksyen di atas, perkataan “*kecuali tanah wakaf*” hendaklah dimasukkan selepas perkataan “.....sesuatu yang bermaksud awam”.

(2) Seksyen 136 (1) Kanun Tanah Negara yang memperuntukan;

"j) bahawa kawasan mana-mana bahagian pecah-sempadan-

i)dalam hal tanah yang tertakluk kepada jenis "pertanian" atau kepada apa-apa syarat yang mengkehendaki kegunaannya untuk satu maksud pertanian, tidaklah kurang dari dua perlima hectare, dan

ii) dalam apa-apa hal lain, tidaklah kurang dari kawasan minimum yang patut untuk tanah dari kelas atau jenis dalam persoalan seperti yang ditentukan untuk maksud perenggan kecil ini oleh Pihak Berkuasa Perancangan untuk kawasan di mana tanah itu terletak atau (jika tiada pihak berkuasa sedemikian) oleh pihak Berkuasa Negeri"

Peruntukan itu menjelaskan bahawa pecah sempadan tidak dibenarkan ke atas tanah pertanian yang keluasannya kurang daripada dua perlima hektar. Pindaan ke atas seksyen ini harus dilakukan, kerana ia merupakan masalah kepada tanah wakaf yang bahagiannya jika dipecahkan sempadan akan menjadi kurang daripada dua perlima. Perkara ini menjadi lebih rumit lagi apabila dibincang dengan konsep hakmilik bersama (*co-proprietor*) di mana bahagian tanah wakaf tersebut tidak dapat dipastikan (walupun pada hakikatnya ianya dapat dikenalpasti di atas tanah secara persetujuan biasa antara tuan-tuan tanah yang berkongsi). Oleh itu pentingnya tanah-tanah wakaf itu dipecahkan tidak dapat dinafikan.³

(3) Pindaan harus dilakukan ke atas seksyen 196 (1) (a) Kanun Tanah Negara yang memperuntukkan;

(1)Tiada apa jua penyerahan balik, sama ada seluruh atau sebahagian mana-mana tanah bermilik, boleh diluluskan oleh Pengarah Negeri atau pentadbir Tanah, mengikut mana-mana yang sesuai melainkan syarat berikut dipenuhi-

a) bahawa tiada butiran hasil tanah terhutang mengenai tanah itu

Dicadangkan juga supaya cukai tanah patut dikecualikan bagi semua harta wakaf sama ada ia berupa tempat ibadah, sekolah dan lain-lain tempat kebaikan atau

bangunan-bangunan komersil. Ini kerana semua hasil daripadanya adalah untuk kepentingan umat Islam dan bukannya untuk kepentingan peribadi. Lapuran tahunan bagi tahun 1999 menunjukkan bahawa Majlis Agama Islam Negeri Melaka telah membelanjakan RM19,104.00 setahun bagi membayar cukai tanah untuk harta wakaf Masjid Kampung Keling dan Masjid Kampung Hulu.⁴ Jumlah yang ditanggung oleh pihak Majlis adalah besar bagi membayar cukai tanah, sekiranya dikecualikan sudah pasti banyak manfaat untuk kepentingan umat Islam dapat dilakukan oleh Majlis.

(4) Diusulkan Bidangkuasa Mahkamah Syariah diperluaskan. Sekiranya timbul keraguan atau pertelingkahan sama ada sesuatu tanah itu tanah wakaf atau tidak, maka perkara ini mesti diputuskan oleh Mahkamah Syariah di mana tanah itu terletak dan rayuan terhadap ketidakpuasan mengenai keputusan itu hanya boleh dibuat kepada Mahkamah Tinggi Syariah. Keputusan Mahkamah Tinggi Syariah tidak boleh dipersoalkan di mana-mana Mahkamah Sivil. Takrif mahkamah hendaklah dipinda seperti berikut:⁵

"Mahkamah bermakna Mahkamah tinggi Malaya dan termasuk Mahkamah Syariah dalam semua perkara yang melibatkan tanah di mana Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa di bawah mana-mana undang-undang bertulis".

Rumusan dalam isu perundangan ini ialah, dalam menangani masalah pentadbiran wakaf khususnya dan lain-lain kes seperti harta pusaka, wasiat, harta penama dan hibah sepatutnya Mahkamah Syariah diberi kuasa untuk menyelesaikan kes-kes harta orang-orang Islam dan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti hendaklah diikuti. Hakim-hakim Islam yang pakar dan mahir dalam perundangan

Islam mesti diberi tanggungjawab untuk membuat keputusan-keputusan tertentu mengenai wakaf dan lain-lain perkara seperti disebut di atas.

7.2.3 REFORMASI KEWANGAN.

Sumber kewangan merupakan nadi utama bagi mempastikan pembangunan harta wakaf berjalan secara produktif. Keseluruhanya Majlis Agama Islam Negeri Melaka menghadapi masalah kewangan bagi membangunkan harta tanah wakaf. Kajian mendapati Majlis Agama Islam mempunyai pendapatan yang agak kecil jika dibandingkan dengan cadangan projek yang dirancang terhadap tanah wakaf. Sumber pendapatan harta wakaf kebanyakannya menerusi penyewaan bangunan dan tanah, yang mana hasil pendapatan itu disalurkan kepada perbelanjaan pentadbiran dan pengurusan serta penyelengaraan harta wakaf.⁶ Dengan keadaan ini adalah terlalu sukar bagi Majlis Agama Islam melaksanakan dengan licin setiap projek pembangunan yang dilakukan ke atas harta wakaf.⁷ Di bawah ini dicadangkan beberapa syor yang boleh diambil perhatian bagi mengatasi kesulitan kewangan dalam membangunkan harta wakaf.

- (1) Bagi tujuan pembangunan secara yang lebih ekonomik tanpa melibatkan kewangan Majlis Agama Islam, dicadangkan supaya Majlis menyerahkan tugas atau mengadakan kerjasama untuk membangunkan harta wakaf kepada badan lain atau agensi swasta yang berkemampuan seperti Lembaga Urusan Dan Tabung Haji, Bank Islam Malaysia Berhad, Syarikat Takaful, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM), Koperasi Muslimin dan lain-lain agensi dengan syarat harta itu

kekal menjadi milik Majlis Agama Islam. Dengan usahasama ini memungkinkan masalah kewangan yang dihadapi oleh Majlis dapat diatasi. Pihak Majlis boleh mengujudkan kerjasama melalui sistem *mudarabah*, *murabahah* dan lain-lain lagi sebagaimana yang dilakukan oleh Bank Islam Malaysia Berhad. Dalam konteks *musyarakah* contohnya, iaitu perjanjian perkongsian antara pemodal dilaksanakan dan di atas perjanjian tersebut juga disebut bahawa keuntungan dan kerugian hasil daripada projek yang dilaksanakan akan ditanggung oleh kedua-dua belah pihak. Begitu juga institusi-institusi kewangan dan badan-badan berkepentingan Islam juga diseru membantu usaha-usaha Majlis dalam merancang pembangunan tanah-tanah wakaf. Kemudahan pinjaman kepada Majlis yang mengandungi unsur-unsur riba dihapuskan kerana ia bertentangan dengan Syarak. Apa yang diharapkan pihak Majlis supaya berhati-hati dalam memperolehi sumber kewangan yang bebas daripada unsur yang diharapkan oleh Islam.

(2) ‘*Tabung Wakaf Am*’ perlu ditubuhkan yang diharapkan dapat menghasilkan pertambahan harta atau kewangan wakaf sendiri. Melalui kewujudan tabung ini, seluruh masyarakat Islam akan dapat menyumbangkan sebarang hartanya sebagai wakaf sekalipun sedikit daripada wang ringgitnya. Misalnya melalui pengedaran tabung derma ke masjid-masjid serta surau-surau dan pengutipan derma ikhlas dari rumah ke rumah. Hasil yang diperolehi itu akan dapat mengurangkan sedikit beban kewangan yang dihadapi oleh Majlis Agama Islam Negeri Melaka.

(3) Kajian mendapati bahawa Majlis Agama Islam Melaka tidak mendapat bantuan kewangan daripada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri dalam membangunkan harta wakaf atau dengan kata lain Majlis Agama Islam bersendirian dalam menggunakan

harta wakaf. Oleh sebab itu, dicadangkan supaya pihak Majlis mengenengahkan usul untuk mendapatkan peruntukan kewangan itu. Selaras dengan bantuan yang diberikan oleh Kerajaan kepada Jabatan-Jabatan yang menjalankan fungsi untuk kebajikan orang ramai, maka Majlis Agama Islam Negeri Melaka hendaklah memohon bantuan sepenuhnya daripada Kerajaan Negeri untuk menampung perbelanjaan pengurusan. Dengan ini pihak Kerajaan Negeri hendaklah memperuntukkan kewangan yang secukupnya bagi membolehkan Majlis Agama Islam Negeri Melaka membangunkan seluruh tanah wakaf yang berpotensi dari segi pulangan ekonominya.

(4) Memperkemaskan Skim Saham Wakaf Negeri Melaka dari sudut operasinya. Skim ini adalah bertujuan untuk memperluaskan tuntutan Islam beramat jariah (wakaf) secara berkelompok dan sistematik itu memberi peluang kepada semua golongan masyarakat membuat wakaf. Dengan ini setiap orang boleh membuat wakaf dengan membeli sijil sekurang-kurangnya RM10.00 seunit yang kemudiannya akan diwakafkan kepada Majlis Agama. Sebagaimana kajian yang telah dilakukan⁸ menunjukkan kelemahan paling ketara Saham Wakaf Negeri Melaka ialah dari sudut promosi, kerana masih terdapat di kalangan masyarakat yang masih tidak tahu kewujudan Saham Wakaf yang dilancarkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Melaka. Dengan ini dicadangkan supaya pihak majlis menggunakan segala kemudahan teknologi maklumat bagi memperkenalkan Saham Wakaf Negeri Melaka. Di antaranya seperti menggunakan kemudahan komputer melalui internet dan sebagainya. Dengan pengumpulan dana melalui Saham Wakaf ini, berkemungkinan besar pihak Majlis mampu menyediakan modal yang cukup untuk melaksanakan sebarang aktiviti-aktiviti pembangunan sosio ekonomi dalam projek-projek berbentuk komersial.

(5) Seterusnya pihak pentadbir harta wakaf harus berpandangan jauh dari mencari sumber pendapatan daripada harta wakaf. Kajian mendapati kebanyakan hasil daripada harta tanah wakaf hanya diperolehi dari sudut penyewaan sahaja. Oleh itu dicadangkan supaya pihak pentadbir melibatkan diri dalam bidang pelaburan iaitu hasil-hasil wakaf itu dilaburkan di dalam institusi-institusi pelaburan yang tidak melanggar batas hukum syarak. Dengan ini hasil wakaf yang sedia ada akan berkembang dari semasa ke semasa. Di samping itu juga pihak pentadbir boleh mencuba alternatif lain, seperti menggunakan hasil wakaf untuk mengusahakan projek-projek pertanian dan penternakan di atas tanah wakaf am. Di antara projek pertanian komersial yang boleh membawa keuntungan sekarang ini ialah penanaman pisang, jambu batu, mangga, belimbing serta sayur-sayuran, manakala projek penternakan yang boleh diketengangkan ialah penternakan ayam telur, kambing, lembu, rusa, burung unta, udang harimau, ikan air tawau dan sebagainya. Berdasarkan pengamatan didapati banyak terdapat tanah wakaf di negeri Melaka yang terbiar seperti tanah sawah, tanah berkontor tinggi, tanah yang jauh daripada pusat bandar dan sebagainya, yang mana tanah-tanah ini tidak sesuai untuk dibangunkan kecuali dengan projek-projek yang dicadangkan di atas. Dengan adanya tindakan ini dapat menyelamatkan tanah-tanah wakaf terus terbiar daripada sebarang pembangunan dan seterusnya ianya memberikan peluang pekerjaan kepada masyarakat di negeri Melaka.

(6) Dicadangkan penubuhan Perbadanan Khas (*Perbadanan Pembangunan Harta Wakaf*) di peringkat Persekutuan bagi membangunkan tanah-tanah wakaf di negeri-negeri, seperti UDA atau Perbadanan Kemajuan Negeri Dan Wilayah. Punca kewangan perbadanan hendaklah dalam bentuk ‘grant’ atau pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Setelah perbadanan ini berjaya dan maju, ianya bolehlah

diserahkan kepada Majlis Agama Islam untuk menguruskan harta-harta wakaf yang telah dibangunkan.

(7) Jabatan Wakaf di peringkat Persekutuan perlu diwujudkan untuk menyelaraskan pembangunan tanah-tanah wakaf dan Baitulmal yang sekarang ini tidak diselaraskan dan tidak teratur pentadbiranya. Adalah perlu dirombak cara pengurusannya supaya dapat memberi penekanan kepada pembangunan harta-harta wakaf.⁹

Cadangan diperingkat persekutuan di atas merupakan pandangan penulis yang boleh diusulkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Melaka ke peringkat pusat bagi menyatukan harta wakaf di bawah satu pentadbiran. Pengdetailan cadangan di atas tidak dapat dilakukan kerana untuk menjadikan suatu cadangan yang lengkap dari segi pentadbiran dan kewangan mengenai harta wakaf secara menyeluruh perlu kepada suatu kajian yang lebih mendalam tambahan pula kajian ini hanya terbatas untuk negeri Melaka sahaja. Oleh itu cadangan ini adalah sebagai asas untuk melakukan kajian lain yang lebih terperinci dalam memajukan harta wakaf.

7.2.4 LAIN-LAIN CADANGAN SERTA PANDANGAN.

(1) MENINGKATKAN KESEDARAN UNTUK MEWAKAFKAN HARTA.

Pada keseluruhannya, adalah tidak dinafikan lagi bahawa institusi wakaf sememangnya mempunyai peranan yang besar dalam membagunkan ekonomi umat Islam. Dalam menentukan agar ia dapat berfungsi dengan lebih berkesan, maka umat

Islam perlu disedarkan dan digalakkan supaya melibatkan diri dalam aktiviti perwakafan. Kajian mendapati 30 peratus di kalangan penerima manfaat wakaf tidak tahu tentang wakaf. Walaupun jumlah ini kecil berbanding masyarakat dengan masyarakat yang tahu tentang amalan wakaf, tetapi ia merupakan satu kerugian besar terhadap perkembangan masa hadapan harta wakaf negeri Melaka yang memerlukan sumbangan harta dalam memantapkan lagi institusi wakaf di negeri Melaka yang ada sekarang. Perkara ini mungkin disebabkan oleh keterbatasan peranan yang dijalankan oleh pihak-pihak yang dipertanggungjawabkan untuk menyelenggarakan aspek-aspek yang berhubung tentang wakaf. Adalah wajar seandainya penyebaran mengenai wakaf diperkembangkan secara meluas agar lebih banyak wakaf akan diwujudkan di masa-masa yang akan datang.

Dalam menambahkan lagi jumlah harta yang ada, dicadangkan supaya Majlis Agama Islam harus berusaha mempertingkatkan lagi kefahaman kepada masyarakat tentang konsep wakaf yang sebenarnya. Diantaranya:

- i. Sistem potongan gaji berjadual yang dikecualikan daripada cukai pendapatan harus dilaksanakan sepetimana Lembaga Hasil Dalam Negeri mengecualikan cukai pendapatan bagi mereka membayar zakat. Dengan adanya keadaan ini sudah pasti dana harta wakaf dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

- ii. Mereka yang pakar tentang hukum seperti Mufti harus tampil kepada masyarakat bagi menjelaskan tentang peri pentingnya amalan wakaf ini kepada masyarakat umat Islam serta menyusun beberapa keadah bagi

menampakkan akan kepentingan amalan wakaf yang dilakukan. Penerangan-penerangan yang disampaikan hendaklah mengandungi hikmat-hikmat mengenai wakaf yang akan diberikan oleh Allah s.w.t Perkara ini boleh mengembangkan lagi institusi wakaf khususnya Saham Wakaf yang telah dilancarkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Melaka.

- iii. Kempen-kempen kesedaran mengenai wakaf harus dipergiatkan lagi oleh Majlis Agama dalam memupuk kesederhan untuk berwakaf di peringkat negeri, daerah, mukim atau kampung, seperti risalah-risalah harus diedarkan, seminar pengurusan wakaf kerap diadakan, ceramah-ceramah harus diperhebatkan dalam memberi kefahaman tentang wakaf kepada masyarakat. Di antaranya juga pendekatan khutbah jumaat harus dipergunakan dengan sepenuhnya.
- iv. Kesedaran tentang amalan wakaf harus dipupuk di peringkat awal lagi, iaitu dicadangkan supaya mata pelajaran wakaf perlu diperkenalkan diperingkat sekolah lagi. Dengan adanya penerapan amalan wakaf menerusi sistem pendidikan ini membolehkan generasi muda memahami dengan lebih mendalam tentang amalan wakaf. Perkara ini harus disedari kerana berdasarkan kajian tidak ada dikalangan generasi muda sekarang ini melibatkan diri dalam amalan wakaf, kebanyakannya dihayati oleh generasi tua sahaja.

(2) MENGECAULIKAN PENGLIBATAN ORANG BUKAN ISLAM DALAM PENERIMAAN WAKAF.

Kajian mendapati terdapat 32.5¹⁰ peratus penerima manfaat wakaf di negeri Melaka adalah terdiri daripada mereka yang bukan Islam. Keadaan ini menggambarkan ketelusan pentadbiran Majlis Agama Islam dalam mentadbir harta wakaf di negeri Melaka. Kebanyakan mereka adalah penyewa rumah kediaman, bangunan perniagaan dan tanah.

Dicadangkan supaya Majlis Agama Islam mengutamakan masyarakat Islam daripada mereka yang bukan Islam dalam mengecapi hasil daripada wakaf. Di antara langkah yang boleh diambil ialah Majlis Agama Islam Negeri Melaka ialah perjanjian kontrak penyewaan dengan orang bukan Islam tidak diperbaharui lagi. Dengan keadaan ini memungkinkan lagi kesucian harta wakaf daripada digunakan kepada perkara-perkara yang bertentangan dengan Islam seperti menjual daging babi, arak, perjudian dan sebagainya.

7.3 KESIMPULAN.

Berdasarkan kepada cadangan-cadangan serta pandangan di atas, sekiranya dilaksanakan penulis berkeyakinan penuh masa hadapan institusi wakaf di negeri Melaka dan di negeri-negeri lain mampu menjadi sebuah institusi yang berjaya menyelesaikan segala permasalahan yang berkaitan dengan masyarakat Islam, baik dari segi ekonomi, sosial dan politik.

Tanggungjawab memajukan institusi wakaf tidak seharusnya dibebankan kepada Majlis Agama Islam sahaja tetapi pengembelangan tenaga dari semua pihak, seperti pihak kerajaan, swasta, ulama dan masyarakat umat Islam harus diperkuuhkan lagi dalam mempastikan institusi wakaf dapat berfungsi dengan dengan baik. Pembangunan yang diidam-idamkan ini tidak akan tercapai jika masyarakat memandang ringan terhadap instistusi wakaf dan menganggapnya sebagai institusi yang tidak penting dan tidak mempunyai sebarang kesan kepada pembangunan umat Islam.¹¹

Adalah sewajarnya Majlis Agama sebagai badan mentadbir harta wakaf menggunakan sebaik mungkin setiap inci tanah bagi mendatangkan pulangan hasil yang menguntungkan, bukan untuk jangkamasa sekarang tetapi untuk jangkamasa yang panjang. Keadaan ini dapat membantu menyelesaikan masalah kemiskinan umat Islam yang rata-rata berada di bawah taraf kemiskinan.

Berdasarkan penilaian permasalahan dan cadangan-cadangan penyelesaian yang dibincangkan, maka suatu garis panduan dapat dirumuskan dalam bentuk kerangka model perancangan pembangunan bagi tanah-tanah wakaf. Ini akan membantu pihak Majlis Agama Islam terutamanya pada masa akan datang merangka suatu program pembangunan tanah wakaf ke arah mencapai matlamat yang diinginkan. Kerangka model ini meletakkan lapan pertimbangan asas:¹²

- i. Mencapai keredaan Allah.
- ii. Meningkatkan hidup ummah.
- iii. Penilaian nilai-nilai komuniti

- iii. Penentuan matlamat
- iv. Alat jihad Islam.
- v. Bersih dari unsur-unsur riba.
- vi. Piawaian perancangan.
- vii. Penilaian semula.

Akhir kata andainya perhatian serius yang dilakukan untuk memajukan institusi wakaf dalam semua perkara serta mengelakan diri daripada kepentingan politik dan peribadi maka sudah pasti masalah-masalah yang menghalang dalam memajukan institusi wakaf akan dapat diatasi. Dengan itu diharapkan masyarakat Islam seluruhnya tidak hanya menundung jari menyalahkan sesiapa serta menadah tangan dengan memohon keberkatan daripada Allah s.w.t semata-mata tanpa sebarang tindakan diambil, maka sudah pasti untuk melihat institusi wakaf berkembang dengan baik terkubur begitu sahaja. Oleh itu diharapkan kecintaan kepada agama Islam mesti disematkan ke dalam setiap individu muslim dan kesungguhan badan yang bertanggungjawab serta pengharapan daripada Allah s.w.t adalah kunci kejayaan kepada institusi wakaf yang diidam-idamkan menjadi kenyataan Insyallah.

¹Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 17), seksyen 134.

²Hamat @ Mustafa Abdul Rahman dan Mat Saad Hassan (1986), "Masalah-Masalah Yang Menghalang Pembangunan Harta Wakaf Dari Sudut Pentadbiran (Penekanan Khusus Di Negeri Perak)", (Seminar Pengurusan Dan Pentadbiran Harta Wakaf Peringkat Kebangsaan, 1986), h. 2-3.

³Prof. Dato' Dr. Nik Mohd. Zain Haji Nik Yusof (1999), "Kedudukan Dan Potensi Pembangunan Hartanah Wakaf Di Malaysia: Satu Penilaian", (Seminar Konsep Dan Perlaksanaan Wakaf Di Malaysia, IKIM, 24-25 Mac 1999), h. 47.

⁴Majlis Agama Islam, taklimat/kajian pengurusan organisasi dan kewangan, 19-20 April 1999, h. 43-46.

⁵Prof. Dato' Dr. Nik Mohd. Zain Haji Nik Yusof (1999), *op.cit*, h. 48.

⁶Temubual dengan Rohaya binti Nyat, Pegawai Audit Dalaman Majlis Agama Islam Negeri Melaka, pada 13hb. Mei. 2000.

⁷Temubual dengan Tuan Haji Musa bin Ahamad (Bekas Pengurus Besar Pusat Zakat Negeri Melaka), pada 8hb. Jun. 2000.

⁸Lihat Bab V, Analisa Kajian Pengurusan Dan Pembangunan Harta Wakaf.

⁹Prof. Dato' Dr. Nik Mohd. Zain Haji Nik Yusof (1999), *op.cit*, h. 55.

¹⁰Lihat bab v, jadual 6.2.6 saiz responden berdasarkan jenis bangsa, h. 156.

¹¹Prof. Dato' Dr. Nik Mohd. Zain Haji Nik Yusof (1999), "Kedudukan Dan Potensi Pembangunan Hartanah Wakaf Di Malaysia: Satu Penilaian", (Seminar Konsep Dan Perlaksanaan Wakaf Di Malaysia), h. 59.

¹²Kamaruddin Ngah (1992), *Isu Pembangunan Tanah Wakaf*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 124.